



Ruj. Kami : (60) dlm.BPFK//30/01/2 /06/6 dgn 2
Tarikh : 17/6/16

SEMUA PENGILANG KOSMETIK BERNOTIFIKASI

SEMUA PERSATUAN YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

AKTIVITI PENGILANGAN PRODUK BERUNSURKAN MAKHLUK PEROSAK DALAM FASILITI PENGILANGAN KOSMETIK

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) sering menerima permohonan untuk mengilangkan produk berunsurkan makhluk perosak seperti 'insect repellent' di fasiliti pengilangan kosmetik bernoitifikasi. Secara am, bahan-bahan yang berasaskan racun makhluk perosak dan disenaraikan di bawah Jadual Pertama (Seksyen 2) Pesticide (Amendment of First Schedule) Order 2011 adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Racun Makhluk Perosak Malaysia.

3. Namun demikian, pengecualian boleh diberikan ke atas bahan-bahan aktif produk berkenaan yang tersenarai di bawah *Drug Registration Guidance Document (DRGD)* atau *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* di bawah kawalan BPFK.

4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan/puan selaku pengilang kosmetik bernoitifikasi untuk memastikan keperluan APB di bawah ASEAN Guidelines for Cosmetic Good Manufacturing Practice adalah dipatuhi secara menyeluruh sepanjang masa. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai-pegawai di Pusat Komplians dan Pelesenan, BPFK iaitu En. Mohd Nasrul Mohamad Noor (Tel:+603-78835567, e-mel : nasrul@bpfk.gov.my) atau Pn. Cheok Xin Yin (Tel:+603-78838554, e-mel : cheok@bpfk.gov.my).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. SALMA BT. BAHRI)
Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
MNMN/CXY/kosmetik



- s.k.
1. Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 2. Timbalan Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 3. Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Organisasi
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 4. Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 5. Timbalan Pengarah Pusat Kajian Produk Baru
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan